



## KENYATAAN MEDIA YB MENTERI PENGANGKUTAN

### PELANTIKAN SYARIKAT-SYARIKAT BAHARU BAGI MELAKSANAKAN PERKHIDMATAN PEMERIKSAAN KENDERAAN MOTOR (PPKM)

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) ingin memaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan untuk melantik tiga (3) syarikat baharu bagi melaksanakan Perkhidmatan Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM) selain daripada PUSPAKOM.
2. Pelantikan ini dibuat selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Mac 2023 yang telah bersetuju untuk membuka perkhidmatan pemeriksaan kenderaan motor yang diwajibkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] kepada syarikat-syarikat lain yang berkelayakan.
3. Seperti yang diumumkan sebelum ini, MOT dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) membangunkan serta menetapkan syarat-syarat, peraturan, dan prosedur bagi pemilihan syarikat yang berkelayakan. Tawaran permohonan bagi PPKM telah dibuka pada 1 Julai 2024 sehingga 31 Oktober 2024. Sepanjang tempoh tersebut, JPJ telah menerima sebanyak 12 permohonan daripada syarikat yang berminat untuk menjadi penyedia PPKM.





## Pelantikan syarikat bagi PPKM fasa pertama

4. Setelah melalui proses penilaian yang teliti, MOT dan JPJ telah bersetuju untuk melantik tiga (3) syarikat bagi melaksanakan perkhidmatan **PPKM Fasa Pertama** seperti berikut:

| BIL | SYARIKAT                    | LOKASI   |
|-----|-----------------------------|--|
| 1.  | WAWASAN BINTANG SDN. BHD.   | 1. Pelabuhan Klang, Selangor<br>2. Gua Musang, Kelantan<br>3. Mersing, Johor |
| 2.  | PAKATAN PETROLEUM SDN. BHD. | 1. Rawang, Selangor<br>2. Temerloh, Pahang                                   |
| 3.  | BERIMAN GOLD SDN. BHD.      | 1. Kuching, Sarawak<br>2. Serian, Sarawak                                    |

5. Pelantikan ini dibuat berdasarkan beberapa kriteria utama seperti berikut:

- Syarikat mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dengan modal berbayar minimum RM10 juta, berstatus Sendirian Berhad dan pemilikan tempatan. Syarikat juga memenuhi kriteria utama seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan Permohonan PPKM.





- ii. Lokasi yang dipohon adalah selari dengan senarai lokasi perkhidmatan PPKM yang telah ditetapkan oleh MOT.
  - iii. Kertas kerja bagi permohonan yang dikemukakan menunjukkan potensi, kesediaan dan komitmen tinggi bagi memastikan kelulusan bersyarat yang diberikan dimanfaatkan sepenuhnya.
  - iv. Hasil lawatan tapak mendapati lokasi yang dipilih adalah sesuai untuk operasi PPKM berdasarkan faktor keluasan, jarak dari kawasan perumahan, status pemilikan tanah, serta zon penggunaan tanah memenuhi perancangan oleh PLAN Malaysia.
  - v. Pelantikan syarikat ini meliputi kawasan di Semenanjung Malaysia (Wilayah Tengah, Timur, dan Selatan) serta Sarawak (Borneo).
6. Sebaliknya, syarikat yang tidak berjaya dalam permohonan ini adalah disebabkan kegagalan memenuhi kriteria utama yang telah ditetapkan. Selain itu, terdapat juga beberapa faktor lain yang mempunyai konflik kepentingan dengan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan, seperti terlibat dalam perkhidmatan pembaikan, jual beli, atau pengubahsuaian kenderaan.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

7. Syarikat yang menerima surat tawaran pelantikan PPKM hari ini diberikan tempoh 24 bulan (2 tahun) untuk melengkapkan keperluan infrastruktur termasuk pembangunan premis, perolehan peralatan pemeriksaan serta mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa berkaitan.
8. Sepanjang tempoh pembangunan ini, MOT melalui JPJ akan menjalankan pemantauan berterusan bagi memastikan syarikat yang dilantik mematuhi semua syarat dan standard operasi PPKM yang telah ditetapkan. Lesen Operasi hanya akan diberikan setelah syarikat berkenaan memenuhi sepenuhnya keperluan peraturan dan kelengkapan peralatan serta bersedia untuk memulakan operasi.

## Fasa kedua permohonan PPKM

9. Bagi memperluas perkhidmatan PPKM, MOT akan membuka semula permohonan bagi PPKM Fasa Kedua bermula 1 Mac 2025 hingga 31 Jun 2025. Syarikat yang tidak berjaya dalam fasa pertama, serta mana-mana syarikat lain yang berminat, dipelawa untuk mengemukakan permohonan pada fasa kedua ini.
10. MOT menggalakkan syarikat-syarikat yang berminat dan berkelayakan, terutamanya syarikat tempatan yang memiliki pengalaman serta kepakaran dalam bidang pemeriksaan kenderaan untuk mengemukakan permohonan.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

11. MOT ingin menegaskan bahawa pembukaan lebih banyak PPKM bertujuan untuk meningkatkan persaingan sihat serta memastikan pemeriksaan kenderaan yang lebih berkualiti demi menjamin keselamatan pengguna jalan raya.

12. MOT melalui JPJ akan terus memantau dan memastikan syarikat-syarikat yang beroperasi sentiasa mematuhi peraturan keselamatan serta memiliki kemampuan teknikal dan kemahiran yang mencukupi untuk melaksanakan pemeriksaan kenderaan bagi pihak JPJ.

13. Perluasan PPKM dapat memberikan lebih banyak pilihan kepada orang ramai dalam mendapatkan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan, selaras dengan usaha dan komitmen Kerajaan MADANI untuk meningkatkan mutu serta penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**7 FEBRUARI 2025**

**-TAMAT-**





## Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

### **Pertanyaan Media** **Kementerian Pengangkutan Malaysia** **Unit Komunikasi Korporat**

Tel +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)  
Faks +603 8892 0208  
E-mel [unitkomunikasikorporat@mot.gov.my](mailto:unitkomunikasikorporat@mot.gov.my)

